

**PERATURAN PERMAINAN LAWAN PEDANG****1. Peraturan Teknikal****1.3 Undang - undang permainan**

- 1.1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, peraturan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Lawan Pedang Antarabangsa (FIE) dan Persekutuan Lawan Pedang Malaysia (MFF)
- 1.1.2. Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang (FIE) dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi

**1.4 Perkara yang tidak dinyatakan**

- 1.2.1 Kejadian di luar jangkaan dan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.2.1.1 Sebarang persoalan bukan berkaitan teknikal akan diputuskan berdasarkan kepada Peraturan Tetap dan Peraturan Am SUKIPT
  - 1.2.1.2 Sebarang persoalan berkaitan teknikal akan diputuskan berdasarkan kepada Undang-undang Pertubuhan Persekutuan Lawan Pedang Antarabangsa (FIE)
- 1.2.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Lawan Pedang SUKIPT IV, 2018 adalah muktamad

**2. Peraturan Pertandingan****2.3 Acara-acara yang akan dipertandingkan**

- 2.1.1 Hanya acara individu sahaja yang akan dipertandingkan untuk Lelaki dan Wanita:

No.	Acara
1	Foil
2	Epee
3	Sabre

- 2.1.2 Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan maksimum empat (4) peserta untuk setiap acara bagi Lelaki dan Wanita. Seorang peserta hanya boleh menyertai maksimum dua (2) acara sahaja (pada hari yang berlainan)

## 2.4 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan

2.2.1 Setiap kontinjen lawan pedang dibenarkan menghantar satu pasukan seperti berikut:

Peranan	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1	
Jurulatih	3	
Peserta	12	12

## 2.5 Sistem Pertandingan

2.3.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut sistem peraturan **FIE**

2.3.2 Pusingan awal akan dijalankan secara 'round robin'. Dalam setiap kumpulan akan mengandungi 4 hingga 7 orang peserta. Setiap pertandingan akan mengambil masa selama tiga (3) minit atau mendapat 5 mata

2.3.3 Pusingan eliminasi, suku akhir, separuh akhir dan akhir peserta akan bertanding selama 9 minit (3 minit X 3 pusingan dan 1 minit rehat bagi setiap pusingan) atau mendapat 15 mata

## 2.6 Pakaian Pertandingan

2.4.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT

2.4.1.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian rasmi lawan pedang (pakaian yang diiktiraf oleh FIE adalah tidak wajib). Pakaian lusuh atau koyak dan berstokin pendek adalah tidak dibenarkan. "Inner Plastron" wajib dipakai semasa bertanding

2.4.1.2 Para pengadil dan pegawai teknikal hendaklah berpakaian kemas atau berpakaian seragam

2.4.1.3 Ketua Delegat Teknikal berhak melarang mana-mana peserta yang tidak mengikut peraturan daripada mengambil bahagian

## 2.7 Peralatan Pertandingan

2.5.1 Peralatan lawan pedang yang diiktiraf oleh FIE adalah tidak wajib. Bagaimanapun peralatan yang lusuh dan berkarat adalah tidak dibenarkan. Pemeriksaan peralatan pertandingan akan dilakukan diatas "piste" sebelum bermula setiap pertandingan

## 2.8 Hadiah Kemenangan

2.6.1 Pingat-pingat kemenangan untuk acara Lelaki dan Wanita akan disediakan seperti yang berikut:

No.	Acara	Emas	Perak	Gangsa
1	Foil	1	1	2
2	Epee	1	1	2
3	Sabre	1	1	2
<b>Jumlah</b>		3	3	6

- 2.6.2 Jika bilangan peserta di dalam suatu acara adalah kurang/sama dari/dengan 4 peserta, pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Lawan Pedang akan merujuk kepada Perkara 15 Peraturan Am SUKIPT

### 3. Ringkasan Penyertaan

Peranan	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan		1
Jurulatih		3
Peserta	12	12
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>28</b>